

**Yang Di-pertuan Agong Berangkat Ke Istiadat Perbarisan Menjunjung Kasih
Bernama
02 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah berkenan berangkat ke istiadat Perbarisan Menjunjung Kasih di Dataran Panglima Tentera Darat Kem Sungai Besi di sini, Jumaat.

Perbarisan itu diadakan sempena tamat tempoh pemerintahan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-13.

Turut hadir pada upacara itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Datuk Seri Dr Ismail Ahmad, Panglima Angkatan Tentera (ATM) Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin serta panglima ketiga-tiga cabang tentera.

Keberangkatan tiba baginda berdua di Dataran Panglima Tentera Darat tepat pada pukul 9 pagi disambut dengan lagu Negaraku serentak dengan tembakan meriam 21 das.

Seri Paduka kemudiannya menaiki pentas khas bagi menerima tabik hormat pasukan kawalan kehormat yang dianggotai pegawai dan anggota daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM.

Pada masa yang sama, lima helikopter milik ATM yang masing-masing membawa bendera Malaysia, ATM, Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) melakukan lintas hormat di ruang udara Dataran Panglima Tentera Darat.

Seri Paduka kemudian memeriksa perbarisan terdiri daripada 323 anggota dan pegawai lain-lain pangkat dari tiga 'detachment' sebelum laungan "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali oleh anggota perbarisan bergema di Dataran Panglima Tentera Darat pada penghujung istiadat disusuli dengan bacaan doa.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631423>